



Norsaini Abdul Samat
Pembantu Pustakawan
Perpustakaan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)



Karya Kreatif

Suami isteri – pesan buat pengantin baharu

Suami dan isteri
Bukan sekadar hidup bersama
Tapi menuju Syurga bersama
Jangan seperti Nabi Nuh dan isterinya
Yang berpisah di hujung takdir
Jangan pula seperti Firaun dan Asiah
Yang berbeza jalan menuju akhir
Apa lagi seperti Abu Lahab dan Ummu Jamil
Yang saling mendukung dalam kesesatan
Kerana cinta bukan tentang
Berapa lama kamu bertahan
Tapi ke mana kamu berjalan bersama
Banyak yang tampak serasi di dunia
Tapi tidak searah menuju akhiratnya
Pasangan sejati itu
Bukan yang saling memanjakan hawa nafsu
Tapi yang saling menguatkan dalam taat
Jangan jadikan rumah tangga
Sekadar tempat bernaung
Jadikanlah ia jambatan menuju reda Allah
Kerana hidup bersama
Belum tentu berlabuh bersama
Dan Syurga hanya untuk dua hati
Yang sama-sama beriman



[Creative Work](#)

Suami Isteri-Pesan Buat Pengantin Baharu

26 November 2025

- 23 views

[View PDF](#)